



MALAYSIA

# Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 18  
No. 17

22hb Ogos, 1974

TAMBAHAN No. 66  
PERUNDANGAN (A)

**P.U. (A) 298.**

## ORDINAN STEM, 1949

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 80 (1) Ordinan 59/49. Stem, 1949, Menteri membuat perintah yang berikut:

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Duti Stem (Pengecualian)** Nama. (No. 5), 1974.
2. Segala suratcara berhubung dengan perjanjian yang bertarikh 19hb Pengcualian. Januari, 1974 dan disempurnakan oleh Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang dan Kerajaan Persekutuan untuk satu pinjaman sebanyak \$10,000,000 bagi maksud-maksud pembangunan adalah dikecualikan daripada duti stem yang, jika tidak kerana pengecualian ini, boleh dikenakan di bawah Ordinan itu.

Dibuat pada 1 haribulan Ogos, 1974.  
[Try. (8.08) 248/39/7-103; PN. (PU?) 159.]

Bagi pihak dan atas nama Menteri Kewangan,

DATUK MOHAMED BIN RAHMAT,  
*Timbalan Menteri Kewangan*

## STAMP ORDINANCE, 1949

IN exercise of the powers conferred by section 80 (1) of the Stamp 59/49. Ordinance, 1949, the Minister makes the following order:

1. This order may be cited as the **Stamp Duty (Exemption) (No. 5)** Citation. Order, 1974.

Exemption. 2. All instruments relating to the agreement dated the 19th January, 1974 and executed by the Penang Port Commission and the Federal Government for a loan of \$10,000,000 for development purposes are exempted from stamp duty which would otherwise be chargeable under the Ordinance.

Made this 1st day of August, 1974.  
[Try. (8.08) 248/39/7-103; PN. (PU<sup>2</sup>) 159.]

On behalf and in the name of the Minister of Finance,

DATUK MOHAMED BIN RAHMAT,  
*Deputy Minister of Finance*

**P.U. (A) 299.**

**AKTA AKAUNTAN, 1967**

*Akta 94.* PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 14 (7) Akta Akauntan, 1967, Menteri selepas mendapat nasihat Instituti Akauntan Malaysia dengan ini membuat perintah yang berikut:

Nama. 1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Akauntan (Pindaan bagi Jadual Pertama), 1974.**

Pindaan bagi Jadual Pertama. 2. Bahagian I Jadual Pertama kepada Akta Akauntan, 1967, adalah dengan ini dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "The final examinations of the Malaysian Institute of Accountants shall be recognised examinations for the purpose of section 14 (1) (a)" dengan perkataan-perkataan yang berikut—

"The examinations recognised for the purpose of section 14 (1) (a) are;

(a) The final examinations of the Malaysian Institute of Accountants; and

(b) The final examinations for the Diploma in Accountancy of the University of Malaya."

Diperbuat pada 6 haribulan Ogos, 1974.  
[PN. (PU<sup>2</sup>) 229; Perb. O. 8800 Pt. 3.]

Bagi pihak dan atas nama Menteri Kewangan,

DATUK MOHAMED BIN RAHMAT,  
*Timbalan Menteri Kewangan*

**ACCOUNTANTS ACT, 1967**

*Act 94.* IN exercise of the powers conferred by section 14 (7) of the Accountants Act, 1967, the Minister after seeking the advice of the Malaysian Institute of Accountants hereby makes the following order:

Citation. 1. This Order may be cited as the **Accountants (Amendment of First Schedule) Order, 1974.**

2. Part I of the First Schedule to the Accountants Act, 1967, is hereby amended by substituting for the words "The final examinations of the Malaysian Institute of Accountants shall be recognised examinations for the purpose of section 14 (1) (a)" the following words—

Amendment  
of First  
Schedule.

"The examinations recognised for the purpose of section 14 (1)

(a) are:

- (a) The final examinations of the Malaysian Institute of Accountants; and
- (b) The final examinations for the Diploma in Accountancy of the University of Malaya."

Made this 6th day of August, 1974.  
[PN. (PU<sup>2</sup>) 229; Perb. O. 8800 Pt. 3.]

On behalf and in the name of the Minister of Finance,

DATUK MOHAMED BIN RAHMAT,  
*Deputy Minister of Finance*

### P.U. (A) 300.

#### AKTA PINJAMAN LUARNEGERI, 1963

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen-seksyen-kecil (2) dan (4) seksyen 4 Akta Pinjaman Luarnegeri, 1963, Menteri Kewangan dengan ini membuat perintah yang berikut:

22/63.

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pengecualian daripada Cukai dan Kawalan Pertukaran Wang (Pinjaman Luarnegeri), 1974**, dan hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 25hb Jun, 1974.

Nama dan  
mula berkuat-  
kuasa.

2. (1) Semua pembayaran pokok pinjaman dan faedah yang kena dibayar atas Surat-surat Janjihutang yang dikeluarkan berkaitan dengan pinjaman-pinjaman yang didapati oleh Kerajaan Malaysia di bawah Perjanjian Kredit antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Amerika Syarikat, Perjanjian Pinjaman antara Kerajaan Malaysia dengan Morgan Guaranty Trust Company of New York dan Perjanjian Pinjaman antara Kerajaan Malaysia dengan American Express International Banking Corporation, untuk tujuan membiayai pembelian kapalterbang-kapalterbang, barang-barang sper dan lain-lain alat pertahanan dan perkhidmatan daripada beberapa pembekal Amerika Syarikat, dan semua bayaran perlibatan dan lain-lain bayaran dan perbelanjaan berkaitan dengan itu, hendaklah dikecualikan daripada mana-mana dan segala cukai, levi, impos, duti, bayaran, potongan dan penahanan di bawah mana-mana undang-undang Malaysia berhubung dengan cukai.

Pengecualian  
daripada  
cukai, dsb.  
dan daripada  
kawalan  
pertukaran  
wang.

(2) Semua pembayaran di bawah Perjanjian-perjanjian yang tersebut di atas dan di bawah Surat-surat Janjihutang yang dikeluarkan berikutan dengannya hendaklah dikecualikan daripada apa-apa sekatan atau syarat di bawah mana-mana undang-undang Malaysia berhubung dengan kawalan pertukaran wang.

Diperbuat pada 7 haribulan Ogos, 1974.  
[Perb. Y. 8985/A (Sj. 3B); PN. (PU<sup>2</sup>) 244.]

Bagi pihak dan atas nama Menteri Kewangan,

DATUK MOHAMED BIN RAHMAT,  
*Timbalan Menteri Kewangan*